



Prasarana Malaysia Berhad 199801011092(467220-U)
Ibu Pejabat, Menara Prasarana, Jalan PJU1A/46, Ara Damansara, PJU 1A, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7614 3333 Website : www.prasarana.com.my

**BUTIR BICARA
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
YB LOKE SIEW FOOK
PENGUMUMAN PENDIGITALAN PAS MY50**

Tarikh	:	26 Jun 2025 (Khamis)
Masa	:	10:45 pagi

Rakan-rakan media yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Pengenalan

1. Pada hari ini saya bersama pihak pengurusan Prasarana dan TnG telah diberi taklimat mengenai persiapan terakhir proses pendigitalan pas perjalanan tanpa had My50.
2. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa, mulai **1 Julai** 2025 semua pengguna pas My50 sedia ada atau yang baharu boleh menggunakan aplikasi TnG eWallet bagi kelancaran perjalanan anda.

3. Dengan pendigitalan ini, pengguna boleh disahkan sebagai warganegara Malaysia melalui proses eKYC, dan seterusnya memperbaharui pas My50 mereka melalui aplikasi TNG eWallet dengan menggunakan kad TNG yang dilengkapi ciri NFC -tidak perlu menggunakan kad pengenalan untuk pembaharuan.
4. Sekarang, setiap pengguna My50 mengambil masa antara dua hingga tiga minit untuk memperbaharui pas di kaunter Rapid KL. Bayangkan jika terdapat 15 pelanggan dalam satu masa, tempoh menunggu boleh mencecah sehingga 45 minit. Sebab itulah saya selalu menerima aduan mengenai pengguna berbaris panjang di kaunter-kaunter Rapid KL seperti Stesen KLCC, Pasar Seni, KL Sentral dan stesen-stesen utama lain.
5. Menerusi pendigitalan My50 ini, saya yakin selepas ini tiada lagi isu atau situasi pelanggan terpaksa beratur lama.
6. Saya juga percaya bahawa inisiatif pendigitalan My50 ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan bersama Prasarana untuk mempertingkatkan kemudahan serta pengalaman pengguna pengangkutan awam di negara ini.
7. Langkah ini sejajar dengan aspirasi pendigitalan perkhidmatan pengangkutan awam negara dan menyokong agenda negara ke arah penggunaan tanpa tunai.

8. Pengangkutan awam bukan sekadar menyediakan bilangan tren atau bas yang mencukupi, fasiliti sokongan seperti sistem tiket juga merupakan elemen penting dalam menyediakan kemudahan pengangkutan awam berkelas dunia.
9. Segala perancangan dan pembangunan bandar baharu mestilah mengambil kira kemudahan mobiliti merangkumi sistem pengangkutan awam yang bersepadu, infrastruktur pejalan kaki dan perhentian bas yang mencukupi dan menyeluruh.
10. Ini juga selaras dengan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada beberapa hari lalu, dimana beliau menegaskan supaya pembangunan bandar harus merangkumi kemudahan pengangkutan awam dalam satu ekosistem yang mampan.
11. Saya menyeru semua operator pengangkutan awam untuk terus meneroka inovasi dan kecanggihan sistem teknologi yang semakin berkembang seperti mengadaptasi teknologi AI dalam sistem pembayaran agar pengguna mendapat manfaat yang lebih besar.
12. Peralihan kepada teknologi digital semestinya akan meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan atau mengelakkan “human error” semasa melakukan sebarang transaksi.

13.Semasa taklimat sebentar tadi, saya dimaklumkan bahawa Prasarana akan memperluaskan inisiatif pendigitalan kepada produk-produk lain seperti pas MyCity dan pas MyTourist.

14.Langkah ini bertujuan meningkatkan kemudahan akses, mengurangkan kebergantungan kepada transaksi tunai selain memberikan pengalaman perjalanan yang mudah dan pantas.

Sekian terima kasih

#Tamat#